

# COUGH-EN LINCTUS

Triprolidine hydrochloride/Dextromethorphan hydrobromide/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/15mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cough-en Linctus
2. Bagaimana Cough-en Linctus berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cough-en Linctus
4. Cara menggunakan Cough-en Linctus
5. Semasa menggunakan Cough-en Linctus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cough-en Linctus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cough-en Linctus

Cough-en Linctus digunakan untuk:

- melegakan batuk tanpa kahak yang berkaitan dengan selsema, jangkitan saluran pernafasan bahagian atas, alahan rinitis bermusim (radang pada membran mucus), rinitis vasomotor (bukan alergi) dan demam alergi.
- membantu mengeringkan hidung berair dan membuka saluran pernafasan yang tersumbat untuk melegakan kesesakan hidung.

## Bagaimana Cough-en Linctus berfungsi

Dextromethorphan Hydrobromide membantu menghentikan batuk dengan bertindak secara pusat untuk meningkatkan ambang refleks batuk.

Pseudoephedrine Hydrochloride digunakan untuk melegakan kesesakan hidung dengan menyempitkan saluran darah di dalam hidung.

Triprolidine Hydrochloride membantu mengurangkan rembesan dalam hidung dengan cara menghalang histamina, sejenis bahan semula jadi yang dihasilkan dalam badan semasa tindak balas alergi.

## Sebelum menggunakan Cough-en Linctus

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Cough-en Linctus jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak umur 2 tahun ke bawah. Harus digunakan dengan berhati-hati dan seperti yang dinasihatkan oleh doktor/ahli farmasi untuk kanak-kanak umur 2 hingga 6 tahun.

## Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Cough-en Linctus jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- mengalami batuk yang berterusan akibat merokok, penyakit paru-paru atau lelah.
- batuk dengan kahak berlebihan.
- mempunyai masalah hati, paru-paru, jantung, lelah, tekanan darah tinggi, kandungan gula darah tinggi, kelenjar tiroid terlampau aktif.
- sedang mengambil ubat untuk kemurungan seperti MAOIs (monoamine oxidase inhibitors) atau dalam tempoh 2 minggu selepas berhenti rawatan.
- mempunyai sawan.
- mengalami pembesaran prostat dan/atau gangguan pundi kencing.
- mempunyai glaukoma (tekanan di dalam mata meningkat).
- mempunyai *stenosing peptic ulcer* (pemyempitan dalam perut akibat ulser) atau obstruksi *pyloroduodenal* (obstruksi saluran keluar perut).

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cough-en Linctus tidak boleh digunakan dengan ubat *betahistine*, sesetengah ubat *hypnotic* dan *anxiolytic*, metoclopramide dan ubat *antiparkinson*.

## Cara menggunakan Cough-en Linctus

### Berapa banyak harus digunakan

- *Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:*  
10ml tiga kali sehari.
- *Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:*  
5ml tiga kali sehari.
- *Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:*  
2.5ml tiga kali sehari.

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika simptom-simptom tidak bertambah baik dalam masa seminggu atau berserta demam panas, hubungi doktor anda sebelum meneruskan pengambilan ubat ini.

### Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk sukar bernafas, gangguan mental (paranoia psikosis, khayal, halusinasi) dan pergerakan otot tanpa kawal dan tidak teratur.

## Semasa menggunakan Cough-en Linctus

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cough-en Linctus.
- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Cough-en Linctus dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mampu mempengaruhi kebolehan untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan hubungi doktor anda secepat mungkin. Elak minuman beralkohol.

# COUGH-EN LINCTUS

Triprolidine hydrochloride/Dextromethorphan hydrobromide/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/15mg/30mg per 5ml)

---

Hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera sekiranya anda mengalami sakit kepala yang teruk dan secara tiba-tiba dan diiringi dengan rasa muntah dan gangguan penglihatan.

Saccharin Sodium, Syrup, Glycerin, Sodium Benzoate, Purified Water, Chloroform Spirit, Indigo carmine, Menthol, Blackcurrant Flavour, Carmoisine.

## Kesan-kesan sampingan

- Rasa mengantuk, pening.
- Sembelit.
- Mulut kering.
- Gangguan gastrousus.
- Sukar tidur, keresahan.
- Gangguan mental.
- Denyutan jantung yang tidak normal.
- Sakit dada.
- Ruam.
- Masalah darah.
- Rembesan yang pekat.

## Nombor MAL

MAL19940070A

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

04/04/2025

## **Nombor siri**

BPFK(R4/1)190815/00259

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Cough-en Linctus**

### Penyimpanan

Simpan di tempat dingin di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna merah dengan perisa blackcurrant.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Dextromethorphan Hydrobromide,

Pseudoephedrine Hydrochloride,

Triprolidine Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif